



Fakta mengenai Monggol



Temujin adalah pengasas empayar Monggol ni dan nama famous dia ialah Genghiz Khan.



Keluasan empayarnya adalah yg terbesar setakat ni mengalahkan empayar Soviet Union. Dari China hinggal laa sampai ke Syria dan eropah timur.



Empayar Soviet 22 juta km persegi manakala Monggol 33 juta km persegi.



Keseluruhan penduduk di dlm empayarnya sekitar tahun 1200M ialah 100 juta orang.



Selepas kematian Genghiz Khan, Monggol terbahagi kepada 4 bahagian.

- 1 - Kublai Khan membentuk dinasti Yuan di China
- 2 - Chagatai Khan pulak pegang area Mongolia dan asia tengah
- 3 - Golden Hordes yg meliputi dari pergunungan Ural sampai laa eropah timur.
- 4 - Ilkhanate - Pegang asia barat dari Iran sampai Syria...ada ingat Baghdad...Ilkhanate ni laa yg membuni hanguskan Baghdad.



Hulagu Khan adalah dari puak Ilkhanate.



Pernah serang Jepun dan Jawa tapi hampah sebab Navy dia tak kuat. Dgr cerita Majapahit

belasah kaw kaw Monggol ni.



Khalifah terakhir Abbasiah Al- Muktassim yg control Bagdad dibunuh dgn kejam oleh Hulagu Khan dgn membalutnya dgn carpet lepas tu dipijak2 oleh ratusan kuda tenteranya.



Wilayah Islam pertama yg dilanggar oleh Monggol ni ialah empayar Khwarezmi yg meliputi Samarkhand dan Bukhara. Gabenor Otrar dlm wilayah Khwarezmi ditangkap dan dibunuh dgn cara dicurahkan emas lebur ke dalam mulutnya.

kalo Von Mucke bapak kental, Monggol ni atuk GANAZZ punyaaa...tu baru sikit Jemtech....wa ada dgr ada lagi pembesar2 negara yg ditawan kena balut carpet (carpet lagi..tokey carpet ke apa diotang ni) lepas naik atas menara, campak dari atas, kalo pembelot pulak, kasi patah tulang belakang dan ada satu cerita, Hulagu Khan ada jemput pembesar2 Baghdad sebelum perlanggarannya nak discuss pasal perdamaian, lepas dia jamu makan, dia ketawa, dia kata korang semua dah makan babi dan sekarang kamu tak punya kekuatan pasai dah makan benda haram...citer metos ka, betul ka tak tau laa waa...
kat bawah ni wa letakkan 2 map...cer kaji map tu...



Das Mongolen-Reich unter den Erben Dschingis-Khans

Peta keluasan empayar Monggol 4 puak tu tak termasuk Moghul India si zaman kemuncaknya..



Peta Empayar Soviet Union dizmaan kemuncaknya sebelum jatuh pada 1990..

sunlay wrote:

monggol dpt menawan baghdad selepas 40 tahun mencuba , dan last bila rombongan saudagar2 peniagaan monggol diperdajal oleh tentera2 islam termasuk pemimpinnya ... jika pemimpin & tentera islam tetap adil tidak berlaku zalim ... nascaya benda ni tak berlaku tp sebab kealpaan sebahagian umat maka turunlah apa yg ditetapkan oleh EMPUNYA ... itulah hakikat memang pedih nak buat camne sejarah itu pedoman utk umat kemudian ...

yup..btol tu. mcm citer kat bawah:

mistisfiles.blogspot.com/

Genghiz Khan mula meluaskan kuasanya ke seluruh Asia Tengah dengan melanggar Kara-Khitian, Kerajaan Khwarezmi di barat Mongolia, Xia Barat dan kerajaan Jin di China. Genghiz Khan pada mulanya tidak berminat untuk menakluk Kerajaan Khwarezmi yang ketika itu diperintah oleh Shah Ala ad-Din Muhammad, beliau berminat untuk menggalakkan rangkaian perdagangan. Untuk itu Genghiz Khan telah menghantar satu karavan yang terdiri dari 500 muslim ke Khwarezmi. Inalchuq, gabenor Otrar, sebuah wilayah Khwarezmi telah menahan karavan ini dengan alasan mereka adalah perisik. Genghiz Khan telah menghantar rombongan kedua dan menuntut supaya karavannya dilepaskan dan gabenor Otrar dihukum. Namun Shah Khwarezmi telah membotakkan kepala utusan Mongol dan yang lain dipancang. Ini menyebabkan kemarahan Genghiz Khan yang berpegang pada prinsip bahawa setiap utusan raja mesti dihormati, suci dan tidak boleh diganggu.

Itu laa jugak asalnya.....kealpaan umat Islam yg berkuasa dulu. lagi pun pada zaman tu ramai umat Islam yg lalai terhadap agamanya. Empayar2 yg gah akhirnya tumbang pada puak nomad barbaric ni. Kadang2 terpikir jugak, Allah saja hantar Monggol ni untuk menyedarkan umat. Cuba tgk tentetan sejarah Monggol ni...last2 dia yg bawak sinar Islam selepas 200 tahun mengganas..

Ada lagi citer pasal carpet. Dulu ada terbaca diorang guna carpet lusuh yg dah lama terperap..macam2 ulat ada dlm tu...kemudian musuh dibalut dgn carpet kotor tu dan biarkan dia berhari2 sampai mati akibat lemas dan kena gigit ulat2 bisa...



Fakta mengenai Monggol (Mongol) II



Pada 50 tahun pertama Monggol (Dinasti Yuan) memerintah China, penduduk China telah berkurangan 50% dari 120 juta, tinggal 60 juta aje...ganaz betul.



Hulagu Khan melanggar Baghdad pada 1258 Masehi dan berkecai empayar Islam terkuat pada masa itu iaitu Abbasiah.



Seramai 200 ribu penduduk muslimin Baghdad dan kawasan sekitar dibunuh oleh tentera Hulagu

Khan ni. Kemusnahan paling teruk pernah dihadapi oleh umat Islam dan rasa2nya record kemusnahan ni belum dipecahkan setakat ni.



Gedung2 ilmu dan hasil mahsul pencapaian umat Islam empayar Abbasiyah dimusnahkan dan buku2 ilmu telah dicampakkan ke sg Furat dan sg.Furat menjadi hitam akibat dakwat yg mencair...menunjukkan betapa banyaknya buku2 yg musnah.



Isteri Hulagu Khan dipercayai Kristian dan ini mempengaruhi tindak tanduk Hulagu, lebih2 lagi peperangan salib baru berlalu dgn kekalahan Kristian tika itu.



Selepas kematian Hulagu, ramai pembesar2 dan general2nya termasuk anak Hulagu sendiri iaitu Teguder memeluk Islam dan seterusnya orang2 Monggol IL-Khanate ni menyerap dlm masyarakat arab dan umat arab bangkit semula....



Tentera Monggol IL-Khanate dibawah Hulagu bagaikan tak boleh disekat2 kemaraannya sehinggalaa ia sampai di wilayah Palestin iaitu Ain-Jalut.

Di sinilaa penamat kemaraan Hulagu. Tenteranya kalah teruk kaw kaw punya, dibelasah oleh tentera Islam Mamluk dari Mesir di bawah pimpinan Panglima Baibars yg dihantar oleh Sultan Qutuz. Tak cukup dgn itu tentera Mamluk ni kejar Monggol sampai Damsyik ,Syria dan Monggol stop kat situ..tak berani nak melangkah sempadan.



Bahagian Monggol Golden Hordes menyetrang Rusia selatan dan seterusnya Eropah timur.

Knight2 veteran tentera salib seperti Templar, Hospitalier dan Teutonic kena tibai teruk.

Tentera2 Abbasiyah yg terkenal power tu pun kena pukul, inikan pula knight2 eropah ni...senang aje macam potong sayur je dikerjakan Monggol Golden Hordes ni.



Sebut aje laa nama2 top eropah dulu2 seperti Cossack, Magyar, Russia, Armenian dll, semuanya tewas ditangan org bermata sepet ni. Walaupun Monggol Golden Hordes ni melanggar bumi Kristian, tapi puak ni laa dulu yg memeluk Islam dari puak Il-khanate yg menyerang wilayah2 Islam...pelik jugak.



Salah satu komander Golden Hordes yg mula2 memeluk Islam ialah Berke Khan. Dalam pada masa yg sama Hulagu menjarah umat Islam di Baghdad. Berke tak puashati dan kemudian dia bersekongkol dgn Mamluk dan dia mmg ada hantar tentera untuk membantu Mamluk menewaskan Hulagu Khan.



Monggol Golden Hordes kemudian terbabit dlm perang saudara dgn Monggol IL-Khanate yg masih kafir, berterusan sehingga IL-Khanate secara beransur2 menjadi wilayah Islam.

sunlay wrote:

pengorbanan dr sultan & pembesarnya menyerahkan harta masing2 utk pembiayaan perang terlebih dahulu sebelum harta rakyat ...

harga yg mahal sekali bila permaisuri sendiri syahid (tak dpt bayang betapa getirnya peperangan hingga sultan & permaisurinya turun sekali mempertahankan tanahair /islam)

Sunlay....permaisuri mana ni? isteri Al-Muktassim ke?

Kita sambung lagi!!!!



Fakta mengenai Monggol (Mongol) III



Monggol cabang Il-Khanate yg kafir lagi ganas tu lama kelamaan telah menjadikan Islam sebagai agama resmi empayar. Itu lah dia kuasa Allah yg maha besar.....



Walaupun dah Islam tapi Monggol Ilkhanate ni masih lagi berseteru dgn Monggol Muslim cabang Golden Hordes dan jugak Mamluk Mesir...bukan pasai apa, pasai politik aje.



Selepas 200 tahun Il-Khanate berpecah dan jadi le kerajaan2 kecil dan kemudian proses asimilasi telah menyebabkan org2 Monggul ni terserap ke dlm bangsa Arab, Parsi dan bangsa2 wilayah asia tgh yg kemudiannya dikenali sebagai :

Uzbekistan,Kyrgystan,Kazakhtan,Turkistan,Tajikistan, Tanjung Rambutan, Bosnia,Crimea,Chechya,Uyghur dan dinasti Moghul di India.



Monggol ni bolehla dikira tolerate terhadap agama. Empayarnya terbahagi kpd berbagai agama, ada Islam, ada Kristian, ada Budhha dan macam2 lagi. Sebelah Golden Hordes dan Il-Khanate kemudiannya jadi empayar Islam, sebelah China tu pulak Monggul yg dah jadi Dinasti Yuan tu banyak yg Buddha dan penyembah tokpekong.



Penyebaran Islam di India dari wilayah Sind ke selatan adalah dgn terbentuknya kerajaan Moghul (Mughal) India. Empayar Moghul ni adalah suku sakat empayar Monggul yg diasaskan oleh Genghiz Khan.



Ada kenal Shah Jahan si pembuat Taj Mahal? Beliau adalah salah seorang dari Raja Moghul India, Aurengzeb tu suma Moghul punya orang.



Empayar Moghul India adalah empayar yg terkaya sekali semasa zamannya.



Entah2 Salman Khan, Shah Rukh Khan, Oliver Kahn, Strauss Kahn dan siBorhan tu pun cucu cicit Genghiz Khan tak? hehehehhehe...piirahh!!!